

**Pakatan Rakyat Ulangi Kesediaan Dialog Dengan BN  
Bernama  
19 Sept, 2013**

KOTA KINABALU, 19 Sept (Bernama) -- Pakatan Rakyat hari ini mengulangi kesediaan berdialog dengan Barisan Nasional (BN).

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata dialog itu bertujuan menyelesaikan isu-isu seperti perkauman, agama, ekonomi, tata kelola menangani rasuah dan jenayah.

"Ini telah diputuskan bersama Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Ketua (anggota) Parlimen DAP Lim Kit Siang pada Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat yang bersidang semalam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan yang dikongsi bersama PKR, PAS dan DAP di Jalan Lintas di sini Khamis.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978962>